

12 SEP 2002

Umno-Bosnia

PELAJAR BOSNIA HEZERGOVINA LAWAT M'SIA BERMULA 14 SEPT

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Seramai 24 pelajar dari Sekolah Camil Sijaric di Bosnia Hezergovina akan dibawa oleh Umno untuk melawat negara ini selama 13 hari, kata Setiausaha Kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

"Mereka dibawa ke sini untuk menceritakan pengalaman dan keperitan mereka menghadapi peperangan etnik di negara mereka kepada rakan sebaya mereka di negara ini," katanya pada sidang media mengenai lawatan itu di Ibu Pejabat Umno di sini hari ini.

Lawatan pelajar itu diketuai oleh pengarahnya, Jabucar Faruk dan empat orang guru yang juga bertindak sebagai penterjemah.

Menurut Tengku Adnan, usaha untuk membawa pelajar-pelajar berkenaan ke negara ini dicetuskan sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat sekolah itu ketika singgah di Bosnia selepas mengadakan lawatan rasmi ke Britain pada Oktober 2000.

Katanya, Dr Mahathir berharap dengan membawa pelajar-pelajar itu dan menceritakan pengalaman mereka kepada rakan-rakan sebaya mereka di sini akan dapat membantu menimbulkan keinsafan dan rasa beruntungnya dapat hidup dalam negara yang aman-damai tanpa adanya peperangan saudara.

Selain itu, katanya pelajar-pelajar Bosnia itu yang berumur antara 10 hingga 20 tahun itu akan mendapat maklumat tentang bagaimana rakyat di negara ini dapat hidup dalam harmoni walaupun mempunyai rakyat yang berbilang bangsa dan agama.

Menurut beliau, sekolah Camil Sijaric adalah sebuah sekolah yang dibina semula dengan bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan dan murid-murid sekolah Malaysia dan disampaikan sendiri oleh Dr Mahathir. Sekolah itu rosak teruk akibat peperangan.

Tengku Adnan berkata selain Umno, lawatan pelajar-pelajar itu ke negara ini turut menerima sokongan daripada Kementerian Pendidikan dan juga tajaan daripada beberapa syarikat korporat tempatan seperti Tanco Resort Bhd, Genting World Bhd dan Ranhill Bhd.

Katanya Ranhill Bhd juga akan menyampaikan biasiswa kepada pelajar-pelajar Bosnia Hezergovina yang sedang dan akan melanjutkan pelajaran mereka di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di sini.

Syarikat berkenaan menyediakan sebanyak RM250,000 setahun untuk tempoh tiga tahun, kata Tengku Adnan.

Selain mengadakan kunjungan ke sekolah-sekolah yang dipilih di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Terengganu, Kelantan, Pahang dan Putrajaya, rombongan itu juga akan dibawa melawat tempat-tempat perangnya tumpuan pelancong di negeri-negeri berkenaan.

-- BERNAMA

FA RV NMO